

05 JUN 2001

MAHATHIR-KEWANGAN

DR MAHATHIR PEGANG JAWATAN MENTERI KEWANGAN DAN MENTERI TUGAS KHAS

PUTRAJAYA, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini, beliau akan memegang jawatan-jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas buat sementara waktu ini.

"Pagi tadi, saya telah menulis surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan yang saya sekarang bertindak sebagai Menteri Kewangan," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas satu majlis di pejabatnya di sini.

Perdana Menteri juga mengesahkan bahawa Tun Daim Zainuddin telah meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan serta jawatan Bendahari UMNO.

Ditanya sama ada pelantikan beliau (Dr Mahathir) merupakan sesuatu yang kekal, Perdana Menteri berkata, itu hanya sementara sebelum pelantikan orang baru.

Dr Mahathir pernah menjadi menteri kewangan pada lewat tahun 1998 selepas tercetusnya krisis kewangan serantau.

Menjawab soalan mengenai kriteria yang diperlukan untuk menjadi menteri kewangan, Dr Mahathir berkata: "Mestilah orang yang sesuai untuk menjadi menteri kewangan."

Mengenai spekulasi media tentang calon-calon bagi jawatan tersebut yang terdiri daripada bekas gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, Ahli Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, Penolong Gabenor Bank Negara Datuk Dr Awang Adek Hussein dan Pengerusi Eksekutif kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim, Perdana Menteri berkata:

"Saya tak tahu, saya akan tengok senarai itu."

"Saya masih agak terbuka dan sebarang cadangan daripada pihak akhbar dialu-alukan," katanya, berjenaka.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata Daim tidak lagi menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO kerana beliau telah meletakkan jawatan bendahari parti yang merupakan jawatan lantikan.

"Dalam Majlis Tertinggi, dia bukan dipilih, dia dilantik dan dia telah meletakkan jawatan, jadi dia bukan lagi ahli majlis," katanya.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan memegang jawatan menteri kewangan sehingga pembentangan Belanjawan tahun ini kelak, beliau berkata, jika beliau mendapat pengetahuan secukupnya tentang kewangan, beliau akan menjadi menteri kewangan yang akan mengadakan dialog (pra-belanjawan).

"Buat masa ini, saya belum yakin," katanya secara berseloroh kepada para pemberita. -- BERNAMA

MOT MR/SHY KY JR